

14 MAY 1999

Mahathir-Penggiliran

PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI DITERUSKAN

KOTA KINABALU, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga kaum utama di Sabah akan diteruskan.

"Kita telah berjanji untuk menggilir-gilirkan jawatan Ketua Menteri dan kita pegang kepada janji itu," katanya pada persidangan berita di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas resolusi Pergerakan Wanita Umno Sabah supaya sistem penggiliran itu dimansuhkan.

"Itu resolusi Umno... belum tahu lagi resolusi orang lain," katanya.

Baru-baru ini Dr Mahathir telah membayangkan kemungkinan untuk mengkaji semula sistem penggiliran itu sekiranya itu adalah kehendak majoriti rakyat Sabah.

Apabila ditanya bagaimana rakyat negeri ini boleh menyampaikan pandangan mereka berhubung isu itu, beliau berkata: "Ada banyak cara, dan saya yakin mereka tahu... tak payahlah bagi saya memberitahu mereka."

Sistem itu dicadangkan oleh Perdana Menteri sebelum pilihan raya negeri pada Februari 1994, bagi memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, untuk menerajui kerajaan negeri, masing-masing untuk tempoh dua tahun.

Sistem itu dimulakan oleh Umno dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) sebagai Ketua Menteri pada Mac 1994, yang kemudian digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said pada Disember tahun yang sama apabila Sakaran dilantik Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudiannya digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee yang mewakili masyarakat Cina pada Mei 1996 dan kemudian digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok bagi mewakili bumiputera Bukan Islam, pada 28 Mei tahun lepas.

Selepas pilihan raya negeri Mac lepas, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru bagi mewakili Bumiputera Islam ekoran kegagalan Dompok mempertahankan kerusinya di Moyog.

Pelantikan Osu menandakan bermulanya pusingan baru sistem penggiliran jawatan berkenaan.

Selepas dua tahun, Osu akan digantikan seorang pemimpin Bumiputera bukan Islam yang akan menyandang jawatan itu kira-kira setahun bagi meneruskan tempoh yang tidak dapat dihabiskan oleh Dompok.

Kepada soalan berhubung kedudukan Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Datuk Pandikar Amin Mulia, Dr Mahathir berkata, BN akan menunaikan janjinya kepada pemimpin berkenaan.

"Kita berjanji kita akan melantik beliau ke Kabinet persekutuan bagi menggantikan Datuk Chong Kah Kiat (yang meletak jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk bertanding pada pilihan raya negeri baru-baru ini). Kita akan melakukannya," kata beliau.

Pandikar Amin tidak bertanding pada pilihan raya negeri yang lepas bagi memberi laluan kepada seorang calon Umno, Musbah Jamli bagi kawasan Tempasuk.

Ketika menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir berkata, pendirian kerajaan Pusat adalah sama dengan pendirian kerajaan negeri berhubung pengurangan kegiatan perjudian loteri di negeri ini.

-- BERNAMA

NT NMO

